

# Pemanasan global mesti diberi perhatian serius

B.H 10/7/07 M/S 8



**Suara  
Orang Muda**

Bersama

**Noraini Ahmad**

E-mel: norainiputeri@yahoo.com

**"T**ABIAT tak pa, bumi binasa. Alam sekitar tanggungjawab anda." Tema sambutan Kempen Kesedaran Alam Sekitar 2007 yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Pulau Pinang, kelmarin memang cukup menarik untuk direnung bersama.

Pelbagai cara dilakukan kerajaan, kementerian dan pelbagai agensi untuk menyuntik kesedaran di kalangan rakyat mengenai pentingnya memulihara alam sekitar, tetapi masih ada sikap 'tak pa', 'tak peduli' dan 'tak ingin ambil tahu' di kalangan kita.

Mesej jelas disampaikan sekali lagi oleh

pujuk pimpinan negara kelmarin supaya semua rakyat bertanggungjawab terhadap penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar, bukannya diletakkan pada bahu kerajaan semata-mata. Pak Lah mahu rakyat mengutamakan penjagaan alam sekitar.

Hampir seluruh pelosok dunia kini menerima padah akibat pemanasan global berikutan kejadian banjir dan ribut yang menjejaskan China, Vietnam, Pakistan, India, Australia, sehingga ke Amerika Syarikat, baru-baru ini. Negara kita sendiri dilanda dua banjir besar dan luar biasa iaitu pada 17 Disember 2006 yang membabitkan 184,868 mangsa dan pada 11 Januari 2007 membabitkan 137,522 mangsa dengan Johor menerima tempas paling teruk.

Kita harus ingat setiap kali bencana melanda, manusia mencari puncanya, biar apapun sebabnya, ia akan berbalik kepada manusia yang mengendalikan dunia ini, sama ada baik atau buruk, ia tetap bermula dari tangan kita sendiri. Jika kita memiliki

tahap kesedaran yang tinggi mengenai pentingnya alam sekitar, kita akan lebih berhati-hati menguruskan isu alam sekitar.

Sering kali diperkatakan pemanasan global, banjir, pencemaran dan sebagainya berpunca daripada perbuatan manusia tidak mempedulikan alam sekitar, walaupun selama ini alam sekitar yang menyumbang nadi kepada kehidupan sejagat. Manusia memerlukan udara, air, makanan dan tempat tinggal bersih serta sempurna untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar harus bermula pada peringkat akar umbi, dari kita kecil lagi, supaya kempen penjagaan alam sekitar memberi kesan mendalam, jangka panjang dan berterusan dari satu generasi ke satu generasi. Pembangunan mestilah mengikut peraturan alam sekitar dan bukannya alam sekitar yang mengikut peraturan pembangunan.

Sudah tiba masa kita memikirkan secara serius isu pemanasan global dan kesannya.

Kita kena ada sikap ambil tahu dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar ketika cuaca dunia semakin tidak menentu.

Ketika tahap kesedaran pada peringkat akar umbi harus dipertingkatkan, pada peringkat pakar alam sekitar dan golongan profesional berkaitan pula, harus mengemblem akal fikiran untuk mencari jalan bagi membolehkan kita sama-sama menangani dan menghadapi sebaik mungkin bahana pemanasan global, supaya kesannya dapat diminimumkan. Pada peringkat kerajaan pula, dasar dan peraturan lebih ketat membabitkan alam sekitar harus dipertimbang untuk dilaksanakan.

Kita tidak mahu mendengar cerita hutan semakin banyak dimusnahkan, penebangan hutan tidak terkawal, kawasan bukit diratakan kononnya atas nama pembangunan dan sungai menjadi tong sampah besar bagi membuang sampah-sarap.

Pemanasan global secara asasnya disebabkan banyak pelepasan karbon monoksida dan kimia lain ke udara yang hanya berkesan ditangani oleh fitrah alam yakni hutan, pokok, bukit-bukau, sungai dan kawasan tadahan yang bersih.

Mungkin kita tidak sedar kita boleh menyumbang terhadap penjagaan alam sekitar semudah amalan seharian. Kitar semula sepatutnya menjadi amalan kita. Mungkin di rumah atau di pejabat kita boleh mulakan dengan mengelaskan tong sampah mengikut barang buangan. Setidak-tidaknya, kita membantu menyelenggara bumi ini dengan lebih baik.

Tabiat buruk seperti membuang sampah merata-rata sekalipun untuk secebis tisu atau pembungkus gula-gula melambangkan kekotoran jiwa kita. Sikap tidak peduli mengenai bahan buangan yang dihasilkan juga perlu diperbaiki. Contohnya penggunaan kertas. Apa yang kita boleh lakukan secara digital atau dalam talian, elok kita gunakan agar jumlah kertas dapat kita kurangkan. Hal ini mungkin kecil, tetapi kesannya sangat besar jika kita mengamalkannya berpuluh tahun.

Kita perlu akur bahawa dunia hari ini kita 'pinjam' daripada generasi akan datang. Jangan kelak kita dikutuk kerana menurunkan warisan yang hampir musnah. Marilah kita sama-sama menjaganya sebaik mungkin demi sebuah kehidupan yang lebih sejahtera pada kemudian hari.

18/8/21